

18 FEB 2003

Bomba-Juruterbang

LEBIH RAMAI PEGAWAI BOMBA BERKELAYAKAN IKUTI KURSUS PENERBANGAN

BATU PAHAT, 18 Feb (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat akan menghantar lebih ramai pegawai yang berkeelayakan untuk mengikuti program latihan penerbangan dan pengendalian helikopter dalam usahanya melahirkan juruterbang mahir di kalangan anggotanya.

Ketua Pengarah jabatan itu Datuk Jaafar Sidek Tambi hari ini berkata langkah itu sejajar dengan hasrat jabatan untuk mempertingkatkan operasi perkhidmatan unit udara bomba.

"Kita bercadang untuk menambah empat buah lagi helikopter baru menjelang tahun 2004," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian bangunan baru Balai Bomba Rengit dekat sini oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Jaafar berkata setakat ini jabatan itu mempunyai dua buah helikopter dengan 90 anggota yang menggunakan bantuan 12 juruterbang mahir yang dipinjamkan dari Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia.

"Ketika ini jabatan itu hanya mempunyai lima juruterbang mahir yang bertauliah di kalangan anggotanya dan berhasrat untuk menambah jumlah itu," katanya.

Menurutnya jabatan itu juga merancang untuk membina sekurang-kurangnya sebuah balai untuk setiap kawasan parlimen di seluruh negara.

Beliau yakin dengan adanya balai bomba di setiap kawasan, perkhidmatan segera boleh disalurkan kepada orang ramai yang menghadapi masalah kebakaran dan bencana.

Selain itu, katanya pegawai balai bomba juga diberi kuasa untuk memeriksa serta mengambil tindakan ke atas premis bangunan yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan.

Terdahulu, Abdul Ghani berkata pasukan sukarelawan Bomba perlu memainkan peranan penting jika berlaku kebakaran di tempat mereka sebelum bantuan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat sampai.

"Mereka merupakan perantara kepada pihak berkuasa dalam menangani masalah bencana dan kebakaran kerana mereka merupakan orang paling dekat dengan kejadian itu," katanya.

Sambil menambah pasukan sukarelawan Bomba perlu diberi latihan dan kursus-kursus asas dalam mengendalikan bencana seperti kebakaran, Abdul Ghani berkata tahap kesedaran masyarakat untuk menangani bencana juga perlu dipertingkatkan supaya mereka tidak mudah panik dan sentiasa bersiap sedia untuk menghadapinya.

-- BERNAMA

BH LAT